

Utusan Malaysia (Hello Kampus) Ms : 26
19/8/2015



DAING NASIR IBRAHIM (kanan) melayan penuntut menjamu selera semasa Program Perhimpunan Naib Canselor Bersama Kakitangan UMP serta Rumah Terbuka Aidilfitri di UMP Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini. - UTUSAN/SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL

Pelan strategik UMP diteruskan

KUANTAN 18 OGOS - Universiti Malaysia Pahang (UMP) meneruskan agenda pelan strategik menerusi fasa seterusnya bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan pencapaiannya ke arah menjadikan universiti itu sebagai sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf antarabangsa.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, laporan interim pencapaian Pelan Strategik UMP dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2011-2015 sehingga 30 Jun lalu memperlihatkan sejauh mana pencapaian dan kejayaan universiti tersebut dalam memastikan ia seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025.

"Berbaki empat bulan sahaja lagi untuk sampai ke penghujung fasa ketiga Pelan strategik 2011-2015 UMP sebelum bermulanya fasa keempat bagi pelaksanaan

Pelan Strategik UMP 2016-2020.

"Pelan strategik yang menetapkan matlamat melahirkan graduan berketrampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi serta menerajui bidang penyelidikan berkaitan industri ini menunjukkan hasil memberangsangkan. Saya turut berbangga dengan pencapaian staf akademik dalam bidang penerbitan jurnal berimpak tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Perhimpunan Naib Canselor Bersama Kakitangan UMP dan menyampaikan wacana bertajuk *Hari Ini dan Masa Hadapan* disusuli Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat universiti itu di sini baru-baru ini.

Menurut Daing Nasir, berdasarkan laporan Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) (2012-2014), bilangan penerbitan di dalam jurnal berindeks per staf akademik bagi UMP pada ta-

hun lalu berada pada kedudukan ketujuh dengan 0.7 mata sitasi berbanding 20 institusi pengajian tinggi awam lain.

Bagaimanapun katanya, berdasarkan laporan sama bagi tahun tersebut menunjukkan bilangan sitasi per staf akademik UMP meningkat di kedudukan keenam dengan 2.4 mata di bawah lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Ini merupakan petanda besar bahawa UMP mampu bersaing dengan lain-lain universiti dengan sokongan warga penyelidikannya. Saya yakin pelan strategik ini akan mencapai objektif terutama dalam melahirkan graduan berketerampilan menerusi penawaran program kejuruteraan dan teknologi kompetitif serta menjadi peneraju dalam industri dan masyarakat," ujar beliau.